

**SOALAN NO : 36**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar  
[Pokok Sena]

**TARIKH** : 26 Mac 2018

**SOALAN** : Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:

- a) apakah status Projek National Feedlot (NFC) yang menelan belanja RM250 juta; dan
- b) adakah wang RM250 juta dan aset yang dibeli menggunakan projek tersebut telah berjaya dikembalikan kepada Kerajaan.

79

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada dasarnya *National Feedlot Centre* (NFC) bertempat di Negeri Sembilan telah dibangunkan untuk mewujudkan rangkaian pengeluaran daging lembu secara perladangan kontrak dengan jaringan pemasaran yang bersepadu di seluruh negara. Namun demikian, projek ini tidak dapat dilaksanakan mengikut sasaran berikutan kekangan dari segi pelaksanaan. Merujuk kepada status terkini projek, kawasan tersebut telah dikosongkan oleh *National Feedlot Corporation* (NFCorp) mulai 1 Mac 2017 dan diserahkan semula kepada Kerajaan Negeri Sembilan.

Baki pinjaman yang belum diselesaikan NFCorp sehingga 31 Januari 2018 adalah berjumlah RM248,193,737.81. NFCorp telah membuat bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan sebanyak RM34.98 juta pada tahun 2012 dan 2013. Manakala jumlah wang sitaan NFCorp dan syarikat berkaitan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) adalah berjumlah RM46,934,703.17.

**SOALAN ( 37 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26 MAC 2017  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD. SAMAD  
[ SHAH ALAM ]**

**SOALAN :**

**YB TUAN KHALID BIN ABD. SAMAD** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian dalam menangani kenaikan harga rumah di seluruh negara.

81

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk mengekang kenaikan harga rumah di pasaran, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:-

- a) Menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai Januari 2014;
- b) Menaikkan harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing kepada RM1 juta seunit;
- c) Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci termasuk semua manfaat/insentif yang bakal diberikan kepada pembeli;
- d) Melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) yang dikhuatiri boleh mengelirukan dan memanipulasi pembeli rumah;
- e) Mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat;
- f) Mengeluarkan panduan mengenai *Loan to Value* (LTV) bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya di mana pembeli hanya

akan memperoleh pinjaman maksimum 70% sahaja. Selebihnya perlu ditanggung sendiri;

- g) Bagi menggalakkan pemilikan rumah melalui sewaan, buat kali pertama dalam tempoh 60 tahun, Kerajaan telah mengumumkan pengecualian cukai ke atas pendapatan sewaan rumah kediaman sebanyak 50% bagi pendapatan sewa sehingga RM2,000.00 sebulan kepada individu rakyat Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Pengecualian ini akan diberi bermula dari tahun taksiran 2018 hingga 2020; dan
- h) Bagi menambahbaik jaminan kepada pembeli rumah, pengecualian duti setem ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pindahmilik akan diberikan kepada kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai berkuatkuasa 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2018.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018